

ALOR SETAR, 2 JUN (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBIDAS GOLONGAN-GOLONGAN TERTENTU YANG MEMUTARBELITKAN TAFSIRAN AYAT-AYAT QURAN DAN HADITH SEMATA-MATA UNTUK KEPENTINGAN MEREKA.

KATANYA, GOLONGAN ITU SANGGUP BERKATA BAHAWA SUDAH ADA PEMBATALAN SEKIAN-SEKIAN FIRMAN TAHUN YANG TIDAK SESUAI DENGAN MEREKA DAN MEREKA Mencari PULA FIRMAN DAN HADITH YANG SEKURANG-KURANGNYA DAPAT MENYOKONG APA SAHAJA PENDAPAT MEREKA.

PERBUATAN TERSEBUT TELAH MENIMBULKAN KEKELIRUAN DI KALANGAN RAKYAT KERANA ORANG-ORANG YANG BERKEMAHAN BERCAKAP DALAM BAHASA YANG TIDAK DIFAHAMI OLEH RAKYAT, TAMBAHNYA KETIKA MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN ALOR SETAR DI TAPIAN GELANGGANG DI SINI.

BELIAU KUATIR KERANA KADANG-KADANG TAFSIRAN YANG DIBUAT TIDAK TEPAT DAN APA YANG DIPERKATAKAN OLEH MEREKA ITU DIPILIH-PILIH DEMIKIAN RUPA KERANA UNTUK MEMPERKUATKAN PENDAPAT SATU PENDAPAT YANG TIDAK BERASAS KEPADA AGAMA ISLAM.

INI ADALAH SATU MASALAH YANG DIHADAPI OLEH NEGARA INI, MASALAH PERKEMBANGAN DAKWAH SONGSANG DAN MASALAH PERKEMBANGAN TAFSIRAN YANG SALAH.

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR SELAIN DARIPADA MENGHADAPI MASALAH TAFSIRAN AGAMA ITU NEGARA JUGA MENGHADAPI SOAL-SOAL SOSIAL, EKONOMI DAN SEBAGAINYA. — BERSAMBUNG 1650/ZCM

MAHATHIR-AGAMA 2 ALOR SETAR

67

+KALAU KITA CUMA MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA SOAL AGAMA DAN KETEPIKAN SOAL KEHIDUPAN RAKYAT SEHARI-HARI MAKA INI PULA AKAN DIJADIKAN BAHAN OLEH ORANG-ORANG YANG MENJADI MUSUH KEPADA KITA UNTUK MEMBURUK-BURUKKAN KITA+, TEGASNYA.

KATANYA, KERAJAAN TELAH MENCUBA SEDAYA UPAYA UNTUK MENINGGIKAN TARAF HIDUP RAKYAT KHUSUSNYA ORANG-ORANG MELAYU DAN KAUM BUMIPUTERA LAIN YANG TERTINGGAL DI DALAM MASYARAKAT BERBILANG KAUM DI NEGARA INI.

KERAJAAN TELAH MENGADAKAN BERBAGAI PELUANG KEPADA MEREKA UNTUK BELAJAR, BERNIAGA, BEKERJA DAN SEBAGAINYA TETAPI MUSUH NEGARA TELAH MENGHASUT PARA PELAJAR SUPAYA TIDAK MENERUSKAN PELAJARAN MEREKA KERANA ILMU PENGETAHUAN ADALAH UNTUK DUNIA SAHAJA.

ADA PULA YANG BERKATA BAHAWA KAUM WANITA TODAL PERLU BELAJAR UNTUK MENJADI DOKTOR, JURWERA, PEGUAM DAN SEBAGAINYA KERANA TUGAS MEREKA IALAH DI DAPUT DAN MENJAGA SUAMI MASING-MASING, TAMBAH TIMBALAN PERDANA MENTERI.

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN UMNO, AKIBAT DARI HASUTAN ITU MAKA BEBERAPA ORANG PELAJAR WANITA DI PUSAT-PUSAT PENGAJIAN TINGGI YANG TELAH MENINGGALKAN PELAJARAN MEREKA.

BELIAU MENEGASKAN: +KITA HARUS INGAT BAHAWA ORANG-ORANG MELAYU TIDAK BEGITU BANYAK DALAM DUNIA INI DAN JUMLAH MEREKA DALAM MALAYSIA INI CUMA ENAM JUTA ORANG SAHAJA DAN MEREKA TIDAK MEMPU- NYAI TENAGA, KEKUATAN DAN KEKAYAAN UNTUK MENENTUKAN NASIB KITA MELAINKAN KITA MENGGUNAKAN SEPENUH TENAGA YANG ADA.+ — BER- SAMBUNG 1702/ZCM.

MAHATHIR - AGAMA 3 ALOR SETAR

KALAU LAH KAUM WANITA DIKETEPIKAN DAN MEREKA TIDAK DIBERIKAN PELAJARAN UNTUK MENOLONG MENGATASI MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI NAKA ORANG-ORANG MELAYU AKAN MENJADI LEBIH LEMAH DARIPADA KEADAAN YANG DIKEHENDAKI, TEGASNYA.

“DENGAN ITU SAYA BERPENDAPAT BAHAWA ORANG-ORANG YANG CUBA MENIMBULKAN KECURIGAAN DI KALANGAN ANAK-ANAK PEREMPUAN MELAYU DUPAYA JANGAN BELAJAR ADALAH ORANG YANG MENGKHIANTATI BANGSA DAN AGAMANYA KERANA AGAMA ISLAM BERKEHENDAKKAN AGAR UMAT ISLAM DILENGKAPKAN DENGAN SEGALA ILMU UNTUK MEMPERTAHAKAN DIRI DAN AGAMA,” KATANYA.

BELIAU LALU MENINGGATKAN AHLI-AHLI UMNO BAHAWA TANGGUNGJAWAB MEREKA IALAH UNTUK MENENTUKAN SUPAYA NAIB YANG BURUK DAN MENIMPA KELOMPOK-KELOMPOK ORANG ISLAM DI NEGARA-NEGARA LAIN TIDAK MENIMPA ORANG-ORANG MELAYU.

DALAM USAHA INI UMNO TIDAK AKAN MENINDAS SESIAPAPUN KERANA TIDAK ADA PERLUNYA BERBUAT DEMIKIAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEKANKAN BAHAWA PERJUANGAN UMNO IALAH UNTUK “MEMBERI KUASA YANG SEWAJARNYA KEPADA ORANG-ORANG MELAYU DAN KUASA INI DAPAT DIGUNAKAN OLEH MEREKA UNTUK MEMPERTAHAKAN KEDUDUKAN MEREKA BUKAN DENGAN CARA MENYAMUN DAN MEREbut HARTA PUNYA ORANG-ORANG BUKAN MELAYU.”

—BERSAMBUNG HM 1706

SC

B582

MAHATHIR - AGAMA 4 ALOR SETAR

APA YANG DIPERLUKAN IALAH USAHA UNTUK MENINGGIKAN KEMAMPUAN ORANG-ORANG MELAYU MEMPERTAHAN DAN MENINGGIKAN KEDUDUKAN MEREKA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENYERU AHLI-AHLI UMNO SUPAYA BERUSAHA DENGAN LEBIH GIGIH LAGI UNTUK MEMPERKUATKAN KEDUDUKAN UMNO KERANA KEUTUHAN UMNO SAHAJALAH YANG AKAN DAPAT MENJAMIN KEUTUHAN BANGSA, AGAMA DAN TANAH AIR.

—BERNAMA HM 1710